

# Sultan Nazrin sempurnakan pemasyhuran Geopark Lenggong

Kawasan seluas 2,068 kilometer persegi pacu sektor pelancongan, ekonomi masyarakat

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Lenggong:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semalam menyempurnakan pemasyhuran Geopark Kebangsaan Lenggong (Lenggong Geopark), merangkumi keluasan 2,068 kilometer persegi membabitkan empat mukim dalam daerah Hulu Perak.

Pada majlis di Kota Tampan yang turut dihadiri Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim serta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, baginda turut merasmikan Galeri Geopark Lenggong.

Geopark Lenggong mendapat pengiktirafan kebangsaan pada 16 Disember 2021, yang kedua di Perak selepas Geopark Kinta. Ia mempunyai 27 geotapak, iaitu lima bertaraf antarabangsa dan 22 bertaraf kebangsaan, tapak ar-



Sultan Nazrin berkenan melawat reruai Geopark Lenggong selepas menyempurnakan Pemasyhuran Geopark Kebangsaan Lenggong dan Perasmian Galeri Geopark Lenggong di Dataran Kota Tampan, Lenggong, semalam. (Foto BERNAMA)

keologi (9), tapak biologi (8) dan tapak budaya serta sejarah (18).

Nik Nazmi dalam ucapannya, berkata, pemasyhuran Geopark Lenggong adalah manifestasi ke-

arah pemuliharaan, pendidikan dan pembangunan secara leatari, bukan sahaja di Lenggong, malah seluruh negara.

"Inisiatif ini juga secara tidak

langsung meningkatkan industri pelancongan negara serta memberi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi masyarakat, khususnya di daerah Lenggong," katanya.

Katanya, pendekatan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam membangunkan geopark bertujuan memajukan sosioekonomi sesuatu kawasan.

Beliau berkata, ia terbukti melalui pengiktirafan geopark global yang diperoleh di negara seperti Jepun, China dan Indonesia yang berjaya merencanakan aktiviti pelancongan serta meningkatkan pendapatan komuniti kawasan berkenaan.

Nik Nazmi berkata, kementeriannya selaku Peneraju dan Pengerusi Jawatankuasa Geopark Kebangsaan menyokong penuh usaha pembangunan geopark dalam negara yang terbukti dengan pengiktirafan 11 geopark kebangsaan dalam tempoh tujuh tahun kebelakangan.

Selain itu, katanya, pengiktirafan dua geopark bertaraf UNESCO Global Geopark, iaitu Langkawi di Kedah pada 2007 dan Kinabalu di Sabah pada 2023.

## Dana RM4j untuk kajian

Beliau berkata, peruntukan RM4 juta diluluskan kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak di bawah Rolling Plan Pertama (RP1) hingga RP3 (2021

hingga 2023) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi pelaksanaan kajian dan penyelidikan aspek geologi di Lenggong.

Beliau berkata, peruntukan RM1.1 juta pula diluluskan bagi menaik taraf infrastruktur di Geopark Lenggong.

Mengenai Galeri Geopark Lenggong, Nik Nazmi berkata, ia dibangunkan dengan tajaan Yayasan Al-Bukhari, membabitkan kerjasama kementeriannya, JMG Perak dan Penasihat Lenggong Geopark, Prof Datuk Dr Mokhtar Saidin.

Katanya, galeri itu dikunjungi 2,500 pengunjung sejak hari pertama pembukaannya pada 16 Disember 2023 sehingga Februari lalu, sekali gus menunjukkan kehadiran pengunjung yang memberangsangkan dalam tempoh dua setengah bulan itu.

Dalam pada itu Nik Nazmi berkata, kementeriannya sedang bekerjasama erat dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi mewujudkan lesen jurupandu (*geo guide*) bagi kawasan geopark di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482).

"Sejumlah 229 jurupandu geo di semua geopark kebangsaan berjaya lulus dalam kursus anjuran MOTAC dan JMG, iaitu salah satu prasyarat dalam lesen. Di Lenggong Geopark sendiri, seramai 23 *geo guide* berjaya lulus dalam kursus terbabit," katanya.